



KERTAS UNTUK MAKLUMAN DAN KELULUSAN JAWATANKUASA KUALITI, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KALI KE-48

PEMBATALAN SAMBUTAN HARI KUALITI DAN INOVASI PERKHIDMATAN (HKIP) DAN TIADA PEMBERIAN ANUGERAH/HADIAH UPM TAHUN 2020

1.0 TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk makluman Jawatankuasa Kualiti UPM berhubung Pembatalan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) dan Tiada Pemberian Anugerah/Hadiah UPM Tahun 2020.

2.0 LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) kali ke-694 pada 29 Januari 2020 telah bersetuju sambutan HKIP UPM tahun 2020 diadakan pada 10 November 2020.

Objektif sambutan HKIP adalah:

- (a) meningkatkan kesedaran warga UPM terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja;
- (b) memupuk dan memperkukuh nilai-nilai budaya inovasi dan kreativiti di UPM;
- (c) merealisasikan pengamalan proses, pendekatan dan budaya berteraskan ciri inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan; dan
- (d) menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Terdapat sebanyak 12 anugerah/hadiah yang telah dipersetujui iaitu:

- (i) Anugerah Mutiara Kualiti dan Inovasi Naib Canselor;
- (ii) Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran;
- (iii) Anugerah Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan;
- (iv) Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- (v) Anugerah Pengurusan Laman Web;
- (vi) Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja;
- (vii) Anugerah Inovasi Perkhidmatan;
- (viii) Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif;
- (ix) Anugerah Pengurusan *Lean*;
- (x) Anugerah Sudut Bacaan *Read@Uni*;

- (xi) Hadiah Mencipta Tema HKIP; dan
- (xii) Hadiah Idea Inovasi.

3.0 PEMBATALAN SAMBUTAN HARI KUALITI DAN INOVASI PERKHIDMATAN (HKIP) DAN TIADA PEMBERIAN ANUGERAH/HADIAH UPM TAHUN 2020

Kertas cadangan berkenaan Semakan Semula Pelaksanaan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan HKIP UPM Tahun 2020 telah dibawa ke Mesyuarat JPU kali ke-711 bertarikh 17 Jun 2020 dan telah bersetuju untuk membatalkan sambutan HKIP dan tiada pemberian anugerah/Hadiah HKIP pada tahun 2020. Hebahan kepada PTJ telah dibuat melalui emel Info UPM pada 1 Julai 2020.

Berikut adalah justifikasi pembatalan sambutan HKIP dan tiada pemberian anugerah/hadiah HKIP:

3.1 Pembatalan Majlis Sambutan HKIP

Sambutan HKIP UPM yang merupakan acara tahunan Universiti tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2020 sebagaimana yang dirancang dengan justifikasi berikut:

- (a) melibatkan perhimpunan dalam skala yang besar dalam kalangan pekerja UPM yang mana tidak mematuhi peraturan kawalan yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi mencegah penularan wabak COVID-19;
- (b) aktiviti dan gerak kerja Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi melaksanakan tindakan berdasarkan kriteria anugerah tidak dapat dilaksanakan dan terjejas oleh kerana tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan;
- (c) penilaian anugerah/hadiah tidak dapat dilaksanakan oleh Peneraju kerana data/pemarkahan bagi kriteria untuk dinilai memerlukan tempoh masa yang sesuai.

3.2 Tiada Pemberian Anugerah dan Hadiah HKIP

UPM bersetuju tidak memberi anugerah dan hadiah HKIP Tahun 2020 kepada pemenang kerana majoriti Peneraju Anugerah/Hadiah tidak dapat melaksanakan tindakan dan penilaian kerana jangka masa yang tidak mencukupi disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan.

Maklum balas dari peneraju anugerah/hadiah telah dibuat bagi mengenal pasti status penganugerahan untuk tahun 2020. Sebanyak dua (2) anugerah sahaja telah dikenal pasti oleh Peneraju yang boleh dibuat penilaian, manakala sebanyak 10 anugerah/hadiah tidak dapat dijalankan penilaian di atas justifikasi seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Status maklum balas Peneraju berkaitan penganugerahan Anugerah/Hadiah HKIP tahun 2020.

Bil.	Anugerah/Hadiah	Status (Ya/Tidak)	Justifikasi
1.	Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	Ya, boleh dianugerahkan	Menggunakan data pemeriksaan/penilaian PTJ pada tahun 2019
2.	Anugerah Pengurusan Laman Web	Ya, boleh dianugerahkan	Penambahbaikan kriteria penilaian akan dibuat dengan mengambil tempoh penilaian bulan Jun – Oktober (5 bulan)
3.	Anugerah Mutiara Kualiti dan Inovasi Naib Canselor	Tidak	Anugerah keseluruhan yang perlu dinilai bagi penglibatan PTJ melibatkan semua Anugerah dan hadiah
4.	Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran	Tidak	Penilaian bagi sub komponen tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh
5.	Anugerah indeks Akauntabiliti Pengurusan Aset	Tidak	Penilaian tidak dapat dibuat kerana kesediaan PTJ telah terjejas
6.	Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja	Tidak	Penilaian tidak dapat dibuat kerana kesediaan PTJ untuk memenuhi kriteria penilaian telah terjejas
7.	Anugerah Inovasi Perkhidmatan	Tidak	Kesediaan kumpulan/pekerja untuk melaksanakan projek inovasi telah terjejas kerana pembangunan projek perlu mengambil tempoh masa yang panjang
8.	Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif	Tidak	Kesediaan kumpulan untuk melaksanakan projek telah terjejas kerana pembangunan projek perlu mengambil tempoh masa yang panjang

Bil.	Anugerah/Hadiah	Status (Ya/Tidak)	Justifikasi
9.	Anugerah Pengurusan <i>Lean</i>	Tidak	Kesediaan kumpulan untuk melaksanakan projek telah terjejas kerana pembangunan projek perlu mengambil tempoh masa yang panjang
10.	Anugerah Sudut Bacaan <i>Read@Uni</i>	Tidak	Penilaian tidak dapat dibuat kerana kesediaan PTJ telah terjejas
11.	Hadiah Mencipta Tema HKIP	Tidak	Tema tidak diperlukan sekiranya majlis HKIP dibatalkan
12.	Hadiah Idea Inovasi	Tidak	Kesediaan pekerja untuk melaksanakan prototaip projek telah terjejas kerana mengambil tempoh masa yang panjang

4.0 SYOR

Jawatankuasa Kualiti UPM diminta untuk mengambil maklum berhubung Pembatalan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) dan Tiada Pemberian Anugerah/Hadiah UPM Tahun 2020.